

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH TANGAN EMAS PERDANA
MENTERI DAN HADIAH JOHAN KEMAHIRAN MALAYSIA KESEBELAS
DI DEWAN BESAR, KOMPLEKS PERHEBAT SUNGAI BULOH, SELANGOR
22 OGOS 2000

Bersama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat sekali lagi menghadiri majlis penyampaian Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dan hadiah pada petang ini.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri S.Samy Vellu serta pihak jawatankuasa Pemandu Johan Kemahiran Malaysia kerana sudi menjemput saya untuk memberi amanat di Majlis Penyampaian Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dan seterusnya menutup dengan rasminya Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia ke sebelas pada petang ini.

3. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur serta jawatankuasa-jawatankuasa Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia di atas kejayaan menganjurkan pertandingan kemahiran ini berturut-turut bagi kali yang kesebelas.

4. Ekonomi negara kita telah menunjukkan pertumbuhan yang kukuh pada tahun yang lepas. Adalah diharapkan ia akan pulih semula pada kedudukan sebelum krisis ekonomi tidak lama lagi. Kita boleh nampak aktiviti-aktiviti telah bertambah bagi industri-industri seperti pembinaan, pembuatan, servis dan pengangkutan. Langkah-langkah tertentu yang telah diambil oleh kerajaan kita telah membuktikan keberkesannya dalam menyelesaikan masalah-masalah yang melingkungi ekonomi kita. Kritik- kritik yang meramalkan penderitaan sedang memuji tindakan-tindakan kerajaan kita.

5. Dengan penambahan aktiviti-aktiviti, bilangan jawatan di industri akan bertambah. Lebih ramai pengurus,penyelia serta pekerja mahir akan diperlukan.

6. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah melaburkan berjuta-juta Ringgit Malaysia untuk membangunkan kemudahan-kemudahan bagi latihan vokasional melalui agensi-agensinya seperti Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Tenaga Rakyat dan MARA. Institut-institut latihan baru sedang dibina dan kemudahan-kemudahan serta kelengkapan di banyak institusi yang sedia ada dipertingkatkan. Lebih ramai kumpulan belia akan dapat dilatih sebagai pekerja mahir. Ini adalah satu dari usaha-usaha kerajaan bagi mewujudkan sekumpulan pekerja mahir yang mantap, berketrampilan, berteknologi tinggi dan berdaya saing supaya dapat merealisasikan wawasan 2020 untuk menjadikan negara kita sebuah negara perindustrian yang maju. Dengan itu juga adalah diharapkan bahawa pergantungan kita terhadap pekerja-pekerja asing dapat dikurangkan.

7. Walaupun bilangan permohonan untuk latihan di institut-institut latihan vokasional telah bertambah berkali ganda, usaha-usaha untuk menggalakkan minat belia untuk menjadi pekerja mahir di industri hendaklah diteruskan. Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia adalah salah satu usaha kerajaan untuk memenuhi peranan itu.

8. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua peserta pusingan akhir Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia kesebelas ini. Anda semua adalah merupakan sekumpulan bakal pekerja mahir yang terbaik di negara kita. Kepada pemenang- pemenang saya mengucapkan syabas dan tahniah dan berharap anda semua akan meneruskan perjuangan anda ke arah keunggulan. Kepada peserta-peserta yang tidak memenangi pingat saya ingin menasihatkan anda meneruskan usaha-usaha supaya anda juga mencapai keunggulan pada masa hadapan.

9. Masyarakat kita masih mempunyai tanggapan bahawa pekerja mahir atau 'blue collar worker' bekerja dalam persekitaran yang kotor dan bahaya mendapat upah yang rendah dan orang yang berpendidikan rendah. Ini merupakan satu fakta yang tidak menggalakkan kumpulan belia untuk menjadi pekerja mahir.

10. Dalam zaman sekarang persepsi itu tidak lagi tepat. Banyak bidang kemahiran melibatkan tempat kerja dan persekitarannya bersih dan selesa. Banyak bidang juga menawarkan upah yang lumayan dan banyak bidang memerlukan kelayakan pendidikan setaraf dengan sijil, diploma atau ijazah.

11. Bagi menggalakkan minat kumpulan belia untuk menjadi pekerja mahir di industri, tanggapan sebegini hendaklah diubah. Pihak penganjur pertandingan ini bersama-sama agensi dan organisasi yang terlibat dengan pembangunan manusia, khasnya bagi tenaga kerja mahir, patutlah berusaha sama untuk menyebarkan kesedaran mengenai pentingnya kemahiran untuk pembangunan negara supaya dalam jangka masa panjang mewujudkan satu budaya yang mementingkan kemahiran, iaitu 'A Skill Respect Culture'. Dengan ini pekerja mahir akan dihormati sebagai 'wira' industri atau ekonomi negara kita.

12. Saya telah difahamkan bahawa satu jawatankuasa petugas telah ditubuhkan untuk mengkaji isu-isu yang dibangkitkan oleh mesyuarat postmortem selepas Pertandingan Kemahiran Sedunia ke 35 di Montreal pada bulan November 1999. Isu-isu tersebut adalah mengenai tahap kemahiran Sistem Latihan dan Pendidikan Vokasional, kelengkapan dan teknologi perlu diteliti dan cadangan serta pelan tindakan dikemukakan kepada pihak tertentu untuk persetujuan. Saya menyeru agar pihak penganjur bekerjasama dengan pihak industri, agensi latihan dan agensi yang membangunkan standard kemahiran dalam kajian tersebut. Cadangan- cadangan perlu mengambil-kira bentuk dan tahap kemahiran kebangsaan serta antarabangsa, sistem latihan dan keperluan industri.

13. Saya juga difahamkan bahawa Jawatankuasa Pemandu Johan Kemahiran Malaysia sedang membuat persediaan untuk penyertaan di Pertandingan Kemahiran ASEAN ke 3 yang akan berlangsung di Bangkok, Thailand pada bulan Mac 2001. Pemenang-pemenang Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia Kesebelas ini dan tahun lepas juga akan dipertimbangkan untuk pemilihan mewakili negara di Pertandingan Kemahiran Sedunia ke36 di Seoul, Korea Selatan pada bulan November 2001.

14. Saya menyeru agar anda yang dipilih mewakili negara menjalani latihan dengan bersungguh-sungguh supaya dapat memenangi pingat emas untuk mengharumkan nama negara kita. Anda bukan sahaja sebagai wakil negara tetapi merupakan wira negara yang berjuang di medan pertandingan kemahiran antarabangsa.

15. Adalah penting untuk kita meneruskan penyertaan di pertandingan serantau dan antarabangsa supaya belia negara kita mendapat peluang untuk mencapai tahap kemahiran bertaraf dunia. Kita juga dapat mendedahkan peserta dan pegawai kita kepada teknologi dan teknik kerja serta latihan yang terkini dan `benchmark' tahap kemahiran kita.

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih sekali lagi kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya menyampai Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang.

17. Akhir kata,dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya menutup dengan rasminya Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia ke sebelas tahun 2000.

Terima kasih.